




■ MENJADI adat dunia, setiap pertemuan akan berakhir dengan perpisahan dan setiap perpisahan pula dilirangi dengan perasaan pilu dan sedih.
Seri Paduka dan Tun Hussein berpeluk-pelukan di saat akhir perpisahan selepas Seri Paduka menganugerahkan Darjah Seri Maharaja Mangu Negara (SMN) kepada bekas Perdana Menteri semalam.



Rakaman penuh sejarah

■ DATUK Seri Dr. Mahathir Mohamad (kanan) sedang mengangkat sumpah jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia keempat, di depan Yang di-Pertuan Agong, di Istana Negara, Kuala Lumpur pagi semalam.

Seri Paduka bersemayam di atas singgahsana, di Dewan Istiadat memerhati penuh tentang Datuk Seri Dr. Mahathir melafazkan sumpah itu.

Turut memerhati Tun Hussein Onn duduk di sebelah kanan singgahsana.

Inilah detik-detik bersejarah tidak dapat dilupakan oleh setiap tokoh yang dilantik menjadi Perdana Menteri—kenangan bersemedi hingga ke akhir hayat.

Senyum dan riang bersama PM baru

■ APAKAH agaknya yang diperkatakan oleh Perdana Menteri baru Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyebabkan Tengku Razaleigh Hamzah, Tan Sri Ong Kee Hui, Datuk Haji Mohamad Nasir, Datuk Musa Hitam dan Tan Sri Syed Nasir Ismail ketawa.

Turut geli hati ialah Datuk Richard Ho (belakang) dan Dr. Sulaiman Daud (kelihatan sebahagian di belakang).

Peristiwa ini dirakam selepas Datuk Seri Dr. Mahathir mengangkat sumpah jawatan di Istana Negara pagi semalam.

